




**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN PEMULIHAN 2020  
SEKOLAH PENDIDIKAN**



**SEKOLAH PENDIDIKAN,  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**Disediakan oleh:**

Ahmad Nabil Md Nasir

Muhamad Hafiz bin Ismail

Jamaludin Bin Ramli

Fatin Aliah Phang Binti Abdullah

**Jawatankuasa Latihan Praktik,**

**Sekolah Pendidikan**

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, manamana bahagian artikel/illustrasi/isi kandungan buku panduan ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Teknologi Malaysia.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.0</b>	<b>LATIHAN INDUSTRI SEMASA PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN</b>	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>PELAJAR YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI</b>	<b>1</b>
<b>3.0</b>	<b>PENYELIA LATIHAN INDUSTRI FAKULTI</b>	<b>2</b>
<b>4.0</b>	<b>PANDUAN PROSES LATIHAN INDUSTRI SEKOLAH PENDIDIKAN, FSSH, UTM</b>	<b>2</b>
	<b>4.1 PENGENALAN</b>	<b>2</b>
	<b>4.2 TAKLIMAT</b>	<b>3</b>
	<b>4.3 PROSES PENDAFTARAN DAN PEMILIHAN SYARIKAT</b>	<b>3</b>
	<b>4.4 SOP PERGERAKAN PELAJAR PKPP 2020</b>	<b>4</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>5</b>

# **PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN 2020 SEKOLAH PENDIDIKAN**

Panduan ini dikeluarkan dengan merujuk kepada:

- i. Panduan Pelaksanaan Kawalan Pergerakan Universiti Teknologi Malaysia; dan
- ii. Garis Panduan Latihan Industri Universiti Teknologi Malaysia.

## **1. LATIHAN INDUSTRI SEMASA PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Semua pelajar Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM yang terlibat dengan latihan industri di organisasi semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan adalah tertakluk kepada pekeliling dan panduan yang telah dinyatakan di atas.

## **2. PELAJAR YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI**

- 2.1 Pelajar yang akan/sedang menjalani latihan industri **hendaklah mematuhi arahan** yang dikeluarkan oleh **pihak majikan** selagi tidak bercanggah dengan **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan**.
- 2.2 Pelajar hendaklah **melaporkan kerja** yang dilaksanakan dalam buku laporan harian latihan industri **melalui sistem** yang telah disediakan.
- 2.3 **Gantian hari adalah tidak diperlukan** sekiranya arahan tidak bekerja diwajibkan oleh pihak majikan.
- 2.4 Sekiranya terdapat pelanggaran pematuhan oleh organisasi, tindakan segera perlu diambil oleh pelajar dengan memaklumkan kepada **Penyelia Industri** dan **Penyelia Latihan Industri Fakulti** untuk tindakan selanjutnya.
- 2.5 Penilaian latihan industri adalah seperti yang diamalkan dan dinilai oleh Penyelia Industri dan Penyelia Latihan Industri Fakulti secara dalam talian.

2.6 Pelajar hendaklah **melaporkan status** mereka kepada **Penyelia Latihan Industri Fakulti** yang telah dilantik bagi tujuan pemantauan.

### **3. PENYELIA LATIHAN INDUSTRI FAKULTI**

3.1 Penyelia Latihan Industri Fakulti yang telah dilantik hendaklah memastikan pelajar seliaan mereka berada dalam pemantauan.

3.2 Penyelia Latihan Industri Fakulti hendaklah memaklumkan kepada Fakulti atau Sekolah sekiranya berlaku ketidakpatuhan Perintah Kawalan Pergerakan oleh majikan atau pelajar menghadapi masalah berkaitan tugas untuk tindakan Dekan Fakulti, Pengerusi Sekolah atau Penyelaras Latihan Industri sewajarnya.

3.3 Penyelia Latihan Industri Fakulti tidak dibenarkan untuk mengadakan lawatan dan penilaian hendaklah dilakukan secara dalam talian.

## **4.0 PANDUAN PROSES LATIHAN INDUSTRI SEKOLAH PENDIDIKAN, FSSH, UTM**

### **4.1 PENGENALAN**

Pelajar-pelajar Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM akan mula menjalani Latihan Industri pada 3 Ogos 2020 sehingga 25 September 2020 (8 Minggu)

Pelajar-pelajar yang terlibat ialah dari kursus:

- a) Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Binaan Bangunan)
- b) Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Elektrik dan Elektronik)
- c) Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)
- d) Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Kemahiran Hidup)
- e) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)

## 4.2 TAKLIMAT

Penyelaras Latihan Industri Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM akan mengadakan satu taklimat kepada pelajar secara atas talian yang merangkumi:

- a) Penerangan Umum Latihan Industri Dalam PKPP 2020
- b) Penerangan Pemilihan Syarikat
- c) Penerangan proses pendaftaran pelajar dan syarikat di dalam Sistem Latihan Industri UTM (ITS – its.utm.my)

## 4.3 PROSES PENDAFTARAN DAN PEMILIHAN SYARIKAT

Semua proses pendaftaran pelajar dan syarikat dilakukan menggunakan Sistem Latihan Industri UTM.

Pelajar perlu mengikuti garis panduan pendaftaran syarikat seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1** : Garis Panduan Proses Pendaftaran LI SOE

No	Perkara	Tarikh
1	Pendaftaran pelajar ke dalam sistem ITS	1 Jun 2020
2	Pencarian dan pendaftaran syarikat ke dalam sistem ITS	10 Jun – 31 Julai 2020
3	Pemakluman penerimaan tempat akan di emel kepada pelajar	10 Jun – 31 Julai 2020

Pemilihan syarikat tempat Latihan Industri pelajar perlu mengikuti beberapa syarat berikut:

- a) Pelajar hanya boleh menjalani di syarikat yang sesuai dengan teknikal kursus pelajar
- b) Pemilihan syarikat meliputi organisasi Kerajaan dan Badan Berkanun, syarikat Swasta yang meliputi Industri Kecil Sederhana (IKS) dan syarikat Multinasional (MNC) yang bertepatan dengan teknikal kursus pelajar
- c) Pelajar dilarang sama sekali memilih syarikat yang mempunyai pertalian hubungan keluarga dan menimbulkan “*conflict of interest*”.
- d) Syarikat yang dipilih perlu berada di dalam senarai syarikat yang berdaftar dengan UTM melalui sistem ITS (*sekiranya belum mendaftar, penyelaras LI akan memasukkan syarikat ke dalam sistem ITS*)
- e) Lokasi syarikat adalah berdekatan dengan kediaman keluarga mereka dengan jarak maksimum ke tempat kerja ialah **30 km**
- f) Pelajar hanya boleh menghadiri kerja di pejabat sekiranya syarikat berada di dalam zon hijau. Sekiranya syarikat berada di zon kuning dan merah,

pelajar dinasihatkan untuk bekerja dari rumah (**WFH**) mengikut ketetapan syarikat.

#### **4.4 SOP PERGERAKAN PELAJAR PKPP 2020**

Semua pelajar masih tertakluk kepada tatacara pelajar UTM dan arahan Majlis Keselamatan Negara.

SOP Pergerakan Pelajar Pasca PKPP 2020 adalah tertakluk kepada SOP Panduan Bekerja Pasca PKP UTM 2020 seperti *Rujukan*

Semua pelajar perlu mengikut semua tatacara yang telah ditetapkan oleh syarikat dan perlu mematuhi segala arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak syarikat selagi tidak bercanggah dengan arahan Majlis Keselamatan Negara.


Sebarang pertanyaan dan makluman lanjut, boleh menghubungi dengan pegawai yang berkenaan

- 1) **Ahmad Nabil Md Nasir**  
ahmadnabil@utm.my
- 2) **Muhamad Hafiz bin Ismail**  
hafiz@utm.my

## **RUJUKAN**

- 1) **Laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN)**  
<https://www.mkn.gov.my/web/ms/>
- 2) **Laman web rasmi UTM**  
<https://www.utm.my>
- 3) **SOP Panduan Bekerja Pasca PKP UTM**  
<https://www.utm.my/sop-panduan-bekerja-pasca-pkp-utm/>
- 4) **Laman web Sistem Latihan Industri UTM (ITS)**  
<http://its.utm.my/itsv4/>





**SEKOLAH PENDIDIKAN,  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**Copyright © 2020 Universiti Teknologi Malaysia. All Rights Reserved**